

DRAF



PANDUAN DAN PERATURAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH



Lembaga Peperiksaan

Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1,2,5-13, Blok E11
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

PBS

**RENDAH
DAN
MENENGAH RENDAH**

KANDUNGAN

PRAKATA	
1.0 PENGENALAN	1
2.0 DASAR PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH	1
3.0 PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH	2
3.1.1 Pentaksiran Sekolah (PS)	2
3.1.2 Pentaksiran Pusat (PP)	3
3.1.3 Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)	4
3.1.4 Pentaksiran Psikometrik (PSi)	6
4.0 PENJAMINAN KUALITI DAN STANDARD	8
4.1.1 Penggunaan Standard Prestasi	8
4.1.2 Penyelarasan	
4.1.3 Pemantauan	
4.1.4 Pengesanan	
4.1.5 Pementoran	
5.0 PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)	11
6.0 PELAPORAN	21
7.0 APLIKASI SPPBS	21
LAMPIRAN	25

PRAKATA

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan bagi Tahun 1 pada Sesi Pesekolahan Tahun 2011 dan Tingkatan 1 pada Sesi Persekolahan 2012. Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PSi).

Sehubungan itu sebagai panduan kepada semua pihak yang berkaitan di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah, Lembaga Peperiksaan telah menerbitkan Panduan dan Peraturan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Semua panduan dan peraturan hendaklah dipatuhi bagi memastikan aspek penjaminan kualiti dan standard PBS. Di samping itu para pengetua dan guru besar hendaklah memastikan semua maklumat dalam panduan dan peraturan ini disampaikan kepada semua guru di bawah seliaan masing-masing.

Diharapkan melalui penyediaan Panduan dan Peraturan Pentaksiran Berasaskan Sekolah ini para pengetua, guru besar dan guru boleh memanfaatkannya sebagai garis panduan pelaksanaan PBS. Panduan ini juga adalah tertakluk kepada semua perkara yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 di bawah Akta Pendidikan 1996.

Terima kasih.

HAJI SUFA'AT BIN TUMIN
Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pelajaran Malaysia

1.0 PENGENALAN

Panduan dan Peraturan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah bertujuan untuk membantu semua pihak di semua peringkat sama ada di Bahagian, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Sekolah berhubung melaksana dan mengoperasikan PBS yang mula dilaksanakan bagi Tahun 1 pada Sesi Persekolahan Tahun 2011 dan Tingkatan 1 pada Sesi Persekolahan Tahun 2012.

Panduan dan Peraturan Pelaksanaan PBS merupakan dokumen yang diguna pakai sebagai rujukan asas kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan PBS. Selain daripada itu, dokumen khusus juga disediakan oleh Lembaga Peperiksaan sebagai panduan khusus mengikut keperluan komponen PBS dan dipanjangkan kepada sekolah melalui Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing.

2.0 DASAR PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

PBS ditadbir mengikut kuasa-kuasa yang diberikan oleh Menteri Pelajaran kepada Pengarah Peperiksaan berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) : Seksyen 67 - Penilaian Murid, Seksyen 68 - Peperiksaan dan Seksyen 69 – Larangan Tentang Pengendalian Peperiksaan dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997, Bahagian II, Perkara 3 iaitu:

- (a) untuk memberi nasihat, memantau dan membuat analisis tentang penilaian berdasarkan sekolah;
- (b) untuk mengendalikan semua peperiksaan mengikut peraturan-peraturan, garis panduan dan arahan tentang peperiksaan; dan
- (c) untuk mengadakan peperiksaan, untuk mengendalikan pemantauan peperiksaan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan, garis panduan dan arahan tentang peperiksaan.

3.0 PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah . PBS dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

PBS dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan peringkat menengah menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (Psi).

3.1 Pentaksiran Sekolah (PS)

Pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, direkod dan dilapor oleh guru sekolah yang berkenaan.

- i. **Pentaksiran formatif** dijalankan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran (Contoh: lembaran kerja, pemerhatian, kuiz, senarai semak, laporan tugas dan tugas rumah); dan
- ii. **Pentaksiran sumatif** dijalankan di akhir suatu unit pembelajaran (Contoh: ujian bulanan, ujian semester).

PS berfungsi sebagai pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*) dan **merujuk kepada Standard Prestasi** yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan berdasarkan KSSR dan KSSM. Proses pentaksiran sekolah adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti konstruk atau perkara yang hendak ditaksir;
- ii. Merancang, memilih serta membina dan mentadbir instrumen pentaksiran yang memberi peluang kepada murid mempamerkan atau mempersebahkan hasil kerja yang relevan;

- iii. Menilai hasil kerja murid dengan merujuk kepada deskriptor dan evidens dalam standard prestasi untuk menentukan tahap penguasaan murid;
- iv. Memberi maklum balas kepada murid tentang prestasi mereka berdasarkan kekuatan dan kelemahan serta merancang dan melaksanakan langkah penambahbaikan; dan
- v. Merekod prestasi dalam portfolio untuk rujukan guru, penyelaras, murid dan ibu bapa.

3.2 Pentaksiran Pusat (PP)

Pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah oleh guru berdasarkan tugasan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan dalam tempoh tertentu mengikut mata pelajaran tertentu berdasarkan standard prestasi dan penjaminan kualiti melalui pemantauan dan penyelarasan.

Kaedah pelaksanaan PP dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran dalam tempoh yang ditetapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Tugasan, peraturan pelaksanaan dan **panduan penskoran** serta **kaedah pelaporan** dihasilkan oleh Lembaga Peperiksaan. Sekolah mentadbir, menskor hasil kerja murid dan menyediakan pelaporan untuk mengukur proses dan produk yang autentik. PP ditaksir menggunakan pelbagai kaedah:

- i. Kerja Kursus;
- ii. Projek;
- iii. Ujian Lisan (Mata Pelajaran Teras dan Elektif);
- iv. Tugasan dan Folio;
- v. Pemerhatian;
- vi. Kemahiran Amali;
- vii. Persembahan dan Pembentangan Lisan; dan
- viii. Ujian Bertulis (Mata Pelajaran Teras)

Prinsip-prinsip Pentaksiran Pusat di peringkat rendah dan menengah rendah adalah:

- i. Lembaga Peperiksaan membekalkan format dan tugas pentaksiran;
- ii. Tugasan berbeza setiap tahun;
- iii. Dilaksana di sekolah;
- iv. Tempoh masa pelaksanaan ditetapkan bagi mata pelajaran terpilih dari kumpulan mata pelajaran teras dan wajib;
- v. Ditaksir oleh guru mata pelajaran;
- vi. Skor berdasarkan Standard Prestasi yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan;
- vii. Pemantauan dan penyelarasan peringkat dalaman dan luaran dilaksanakan bagi menjamin kualiti dan standard; dan
- viii. Pelaporan Pentaksiran Pusat dan Pentaksiran Sekolah digabungkan akhir tahun persekolahan rendah dan menengah rendah.

3.3 Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum (PAJSK)

Pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah untuk mengukur dan menilai prestasi, penglibatan dan penyertaan murid dalam aktiviti jasmani, kesihatan, sukan dan kokurikulum.

Dalam pelaksanaan PAJSK, setiap murid dikehendaki melibatkan diri dalam aktiviti yang dirancang dan ditetapkan oleh guru berkenaan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah mengikut keupayaan murid dan kesesuaian sesuatu aktiviti tersebut. PAJSK merangkumi pentaksiran berdasarkan aspek-aspek berikut:

- i. Sukan;
- ii. Kokurikulum;
- iii. Ekstrakurikulum;
- iv. Pendidikan Jasmani; dan
- v. Kesihatan.

Panduan instrumen pentaksiran PAJSK disediakan oleh Lembaga Peperiksaan (KPM) dengan kerjasama badan-badan atau agensi profesional yang berkaitan mengikut kepakaran masing-masing. Instrumen tersebut ditadbir dan dikendalikan oleh guru berkenaan di peringkat sekolah.

Murid Tahap 1 (Tahun 1 – 3) diukur dan dinilai hanya aspek perkembangan fizikal dan kecerdasan serta penjagaan kesihatan. Manakala untuk murid Tahap 2 (Tahun 4 – 6) dan Sekolah Menengah, aspek sukan, kokurikulum, ekstrakurikulum, pendidikan jasmani dan kesihatan diambil kira dalam pengukuran dan penilaian.

Pendokumentasian PAJSK dapat memberi gambaran menyeluruh tentang tahap perkembangan murid dalam penguasaan ilmu dan penghayatan nilai-nilai teras (*core values*) yang dipupuk melalui proses pendidikan seperti berikut:

- i. Berketrampilan;
- ii. Berinovasi;
- iii. Berakhhlak mulia;
- iv. Bertanggungjawab;
- v. Bersikap patriotik; dan
- vi. Keusahawanan.

PAJSK akan dilaksanakan kepada semua murid Tahun Satu mulai sesi persekolahan Tahun 2011 dan murid Tingkatan Satu mulai sesi persekolahan Tahun 2012 bertujuan untuk:

- i. Mengukur kecergasan dan kesihatan murid dalam pelbagai aktiviti jasmani;
- ii. Mengukur penyertaan, penglibatan dan prestasi murid dalam pelbagai aktiviti kokurikulum dan ekstrakurikulum; dan
- iii. Instrumen dan panduan pentaksiran sedia ada dimantapkan oleh Lembaga Peperiksaan bersama organisasi yang berkenaan berdasarkan bidang kepakaran masing-masing.

Aktiviti Jasmani diukur berdasarkan Standard Prestasi Jasmani iaitu:

- i. Panduan Pentaksiran Aktiviti Pendidikan Jasmani;
- ii. Format Pelaporan *Body Mass Index (BMI)*;
- iii. Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK); dan
- iv. Standard Kriteria Penjagaan Kesihatan.

Aktiviti Kokurikulum diukur berdasarkan Standard Prestasi Kokurikulum dan ditaksir menggunakan pelbagai jenis aktiviti dan instrumen seperti:

- i. Kecergasan : sebagai contoh: naik turun bangku, BMI;
- ii. Kesihatan : pemerhatian, Buku Rekod Kesihatan;
- iii. Penyertaan : keahlian, kehadiran;
- iv. Penglibatan : jawatan, komitmen, peringkat; dan
- v. Prestasi : pencapaian, sumbangsan.

PAJSK boleh dilaksanakan secara berkala atau berterusan mengikut keperluan dan ditaksir oleh guru, rakan sebaya, ibu bapa dan agensi luar.

3.4 Pentaksiran Psikometrik (PSi)

Pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah dan / atau pusat untuk mengukur kebolehan semulajadi, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, minat, kecenderungan, sikap dan personaliti murid.

Pentaksiran Psikometrik adalah pentaksiran yang direkabentuk untuk mendapatkan maklumat secara kualitatif dan kuantitatif tentang keupayaan seseorang untuk bertindak balas dalam suatu cara tertentu. Pentaksiran ini boleh mengukur kebolehan semula jadi (*innate ability*) dan kebolehan yang diperoleh (*acquired ability*) daripada pengalaman dan persekitaran dan tidak berdasarkan kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran.

Lembaga Peperiksaan **menyediakan manual ujian** yang komprehensif dan mesra pengguna. Instrumen pentaksiran psikometrik dibangunkan oleh pakar psikometrik dan ahli psikologi. Ia ditadbir mengikut keperluan, secara manual atau berkomputer oleh guru atau murid itu sendiri. Laporan pentaksiran dibuat dalam bentuk deskriptif.

Jenis Pentaksiran Psikometrik yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah adalah seperti berikut:

i. Ujian Aptitud Am

Ukuran gabungan beberapa kebolehan berkaitan :

- a. visual - ruang - bukan verbal (pintar ruang);
- b. linguistik/verbal (pintar perkataan);
- c. logik-matematik/numerikal (pintar nombor/penaakulan); dan
- d. minat dan kecenderungan.

ii. Ujian Aptitud Khusus

Ukuran kebolehan khusus yang berkaitan dengan potensi diri murid dalam sesuatu bidang pekerjaan atau khusus:

- a. muzik (pintar muzik);
- b. kreativiti (pintar minda);
- c. interpersonal (pintar orang - pengalaman sosial);
- d. intrapersonal (pintar diri - refleksi kendiri);
- e. kinestatik - jasmani (pintar jasmani); dan
- f. naturalis (pintar naturalisme).

iii. Inventori Personaliti

Ukuran ciri-ciri perilaku unik dan stabil yang ada pada setiap individu yang membezakannya dengan orang lain untuk:

- a. membantu guru mengenal pasti aspek-aspek sikap dan personaliti individu murid supaya strategi pengajaran yang sesuai dapat digunakan;
- b. membantu murid memahami personaliti diri sendiri dan orang lain untuk tujuan berinteraksi; dan
- c. mengenalpasti stail pembelajaran.


4.0 PENJAMINAN KUALITI DAN STANDARD

KSSR dan KSSM menerangkan pelbagai standard yang perlu dikuasai oleh murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Standard Prestasi pula ialah tahap penguasaan murid terhadap sesuatu standard selepas mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran.

4.1. Penggunaan Standard Prestasi

Semasa melaksanakan PBS di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah, guru-guru akan menggunakan **dokumen Standard Prestasi yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan** mengikut setiap mata pelajaran yang terkandung dalam KSSR dan KSSM (Rajah 1).

Rajah 1 : Penggunaan Standard Prestasi Dalam PBS



Penjaminan standard dan kualiti dalam PBS dilaksanakan untuk memastikan skor PBS adalah sah dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diharapkan mengikuti kerangka dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. Empat aspek kawalan kualiti yang mesti dipatuhi dan dilaksanakan oleh JPN, PPD dan Sekolah adalah seperti berikut:

4.1.1 Penyelarasan

Penyelarasan ialah satu proses untuk memastikan keselarasan dan kefahaman terhadap peraturan pelaksanaan PBS. Penyelarasan dilakukan dari peringkat pusat hingga sekolah dari aspek pentadbiran PBS yang mencakupi keselarasan dari segi dokumen dan panduan pentaksiran untuk memastikan kebolehpercayaan pentaksiran dapat dijamin dari segi standard dan kualitinya.

4.1.2 Pemantauan

Pemantauan dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan memastikan PBS dilaksanakan mengikut prosedur dan jadual yang ditetapkan agar mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan dan kebolehpercayaan PBS dapat dipastikan melalui pelaksanaan mekanisme pemantauan menggunakan instrumen yang standard dan seragam yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan.

Pemantauan dari peringkat pusat hingga sekolah dilakukan agar pelaksanaan PBS dijalankan dengan adil, sahih dan amanah mengikut prosedur yang ditetapkan. Kaedah ini dapat mengelakkan ketidakakuratan dalam pengendalian PBS di semua peringkat. Melalui kaedah pemantauan juga, masalah yang dihadapi oleh guru yang terlibat semasa pelaksanaan PBS dapat dikenalpasti dan seterusnya tindakan penambahbaikan dapat dilakukan.

4.1.3 Pengesahan

Pengesahan dilakukan untuk menilai menilai PBS dari segi pencapaian objektif, kekuatan dan kelemahan instrumen serta impaknya untuk tujuan memperbaiki komponen PBS. Pengesahan dijalankan di peringkat pusat, negeri, daerah dan sekolah.

4.1.4 Pementoran

Pementoran ialah satu proses membimbing dan memberikan khidmat nasihat dalam bentuk persediaan, latihan dan pemerhatian bagi memastikan PBS dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Pementoran dijalankan secara berterusan bersama dengan Jurulatih Utama Pentaksiran dengan tujuan memantapkan dan menambahbaik pengetahuan, kefahaman dan kesefahaman berhubung perkara yang dirancang, ditadbir, diperiksa dan direkod semasa PBS dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah.

5.0 PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)

KPM mengeluarkan arahan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. KP (BPSH-SPDK) 201/005/01/Jld.() dan KP (BPSH-SPDK) 201/005/01/Jld.() bertarikh Januari 2011 bagi melaksanakan PBS di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah.

Pelaksanaan PBS sekolah rendah bermula dengan murid Tahun 1 pada tahun 2011. Jadual 1 dan 2 menunjukkan pelaksanaan PBS di sekolah rendah.

Jadual 1 : Pelaksanaan Di Tahap Satu (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3)

BIL	KOMPONEN PBS	PERKARA
1.	Pentaksiran Sekolah	Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Matematik, Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Dunia Seni Visual, Dunia Muzik, Dunia Sains & Teknologi, Bahasa Arab, Bahasa Cina SK, Bahasa Tamil SK, Bahasa Kadazandusun Bahasa Iban
2.	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum	Aktiviti Jasmani dan Kesihatan
3.	Pentaksiran Psikometrik	Aptitud Khusus dan Inventori Personaliti
4.	Pentaksiran Pusat	Tiada

Jadual 2 : Pelaksanaan Di Tahap Dua (Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6)

BIL	KOMPONEN PBS	PERKARA																										
1.	Pentaksiran Sekolah	<p align="center">Mata Pelajaran</p> <table> <tr> <td>Bahasa Melayu,</td> <td>Pendidikan Seni</td> </tr> <tr> <td>Bahasa Inggeris,</td> <td>Visual,</td> </tr> <tr> <td>Bahasa Cina,</td> <td>Pendidikan Islam,</td> </tr> <tr> <td>Bahasa Tamil,</td> <td>Pendidikan Moral,</td> </tr> <tr> <td>Matematik,</td> <td>Sejarah,</td> </tr> <tr> <td>Sains,</td> <td>Bahasa Arab,</td> </tr> <tr> <td>Reka Bentuk &</td> <td>Bahasa Cina SK,</td> </tr> <tr> <td>Teknologi,</td> <td>Bahasa Tamil SK,</td> </tr> <tr> <td>Teknologi Maklumat dan</td> <td>Bahasa Iban,</td> </tr> <tr> <td>Komunikasi,</td> <td>Bahasa Semai</td> </tr> <tr> <td>Pendidikan Jasmani,</td> <td>Bahasa</td> </tr> <tr> <td>Pendidikan Kesihatan,</td> <td>Kadazandusun</td> </tr> <tr> <td>Pendidikan Muzik,</td> <td></td> </tr> </table>	Bahasa Melayu,	Pendidikan Seni	Bahasa Inggeris,	Visual,	Bahasa Cina,	Pendidikan Islam,	Bahasa Tamil,	Pendidikan Moral,	Matematik,	Sejarah,	Sains,	Bahasa Arab,	Reka Bentuk &	Bahasa Cina SK,	Teknologi,	Bahasa Tamil SK,	Teknologi Maklumat dan	Bahasa Iban,	Komunikasi,	Bahasa Semai	Pendidikan Jasmani,	Bahasa	Pendidikan Kesihatan,	Kadazandusun	Pendidikan Muzik,	
Bahasa Melayu,	Pendidikan Seni																											
Bahasa Inggeris,	Visual,																											
Bahasa Cina,	Pendidikan Islam,																											
Bahasa Tamil,	Pendidikan Moral,																											
Matematik,	Sejarah,																											
Sains,	Bahasa Arab,																											
Reka Bentuk &	Bahasa Cina SK,																											
Teknologi,	Bahasa Tamil SK,																											
Teknologi Maklumat dan	Bahasa Iban,																											
Komunikasi,	Bahasa Semai																											
Pendidikan Jasmani,	Bahasa																											
Pendidikan Kesihatan,	Kadazandusun																											
Pendidikan Muzik,																												
2.	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum	Aktiviti Jasmani, Sukan, Kokurikulum dan Ekstra Kurikulum																										
3.	Pentaksiran Psikometrik	Ujian Aptitud Am, Ujian Aptitud Khusus dan Inventori Personaliti																										
4.	Pentaksiran Pusat	Ditentukan mengikut format pentaksiran																										

Pelaksanaan PBS sekolah menengah rendah bermula dengan murid Tingkatan 1 pada tahun 2012. **Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2014 dilaksanakan dengan penambahbaikan melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sepenuhnya.**

Pengoperasian PBS adalah seperti berikut:

i. Penubuhan Jawatankuasa PBS

JPN hendaklah menubuhkan Jawatankuasa PBS di Peringkat Negeri, Daerah dan Sekolah (Rujuk Lampiran 1).

ii. Jadual Pengoperasian

Jadual Pengoperasian PBS di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah adalah seperti Jadual 3 di bawah:

Jadual 3 : Jadual Pengoperasian PBS

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
1.	Mengedarkan Surat Pekeliling dan Surat Siaran Pengoperasian Pelaksanaan PBS Ke JPN	Disember	LP,KPM
2.	Mengedarkan Surat Pekeliling dan Surat Siaran Pengoperasian Pelaksanaan PBS Ke PPD dan Sekolah	Disember	JPN
3.	Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana PBS	Januari	Sekolah
4.	Pendaftaran nama kelas, nama pelajar, mata pelajaran dan guru mata pelajaran	Januari - Februari	Sekolah
5.	Tempoh Pelaksanaan PBS	Januari - Oktober	Sekolah
6.	Menyelaras Pentaksiran	Mac - September	Sekolah
7.	Memantau Pentaksiran	Mac - September	PPD & JPN
8.	Pengesanan dan Pementoran Pentaksiran	Mac - September	Sekolah
9.	Mengumpul dan memasukan skor pencapaian murid ke dalam aplikasi	Sepanjang Tahun	Sekolah
10.	Menghantar skor pencapaian murid mengikut prosedur penskoran dan penghantaran yang ditetapkan	Oktober	Sekolah

i. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)

BIL	PERKARA	TEMPOH	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB
1	Surat Siaran Arahan Pengoperasian PBS dari LP	Januari	<ul style="list-style-type: none"> i. Menubuhkan Jawatankuasa PBS (Rujuk Lampiran 1) ii. Mengedarkan Surat Siaran Arahan Pengoperasian PBS kepada sekolah iii. Mengedarkan dokumen PBS kepada sekolah <ul style="list-style-type: none"> a. Standard Prestasi b. Instrumen dan Panduan Pentaksiran 	Pengarah Pelajaran Negeri Sektor Penilaian dan Peperiksaan (SPP)
2	Pendaftaran pengguna aplikasi Sistem Pengurusan PBS (SPPBS)	Januari	Mengeluarkan surat login kepada sekolah	SPP
3.	Penataran dokumen PBS	Januari - Mac	<p>Menatarkan dokumen PBS secara bersepadu di peringkat daerah kepada PPD dan Pengetua/Guru Besar dari aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Standard Prestasi b. Instrumen dan Panduan Pentaksiran 	SPP Jurulatih Utama Pentaksiran (JUP)
4	Pemantauan dan pengesanan pelaksanaan PBS	Mac - Jun	Memantau pelaksanaan PBS untuk memastikan prosedur pengoperasian dan standard prestasi dipatuhi oleh sekolah	Jawatankuasa PBS JPN
5	Menyediakan laporan pelaksanaan PBS peringkat negeri	Jun dan November	<p>Mendapatkan pelaporan peringkat daerah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Laporan dan Graf Prestasi Murid b. Laporan Pelaksanaan PBS 	SPP

ii. Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)

BIL	PERKARA	TEMPOH	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB
1	Surat Siaran Arahan Pengoperasian PBS dari JPN	Januari	<ul style="list-style-type: none"> i. Menubuhkan Jawatankuasa PBS PPD ii. Mengedarkan Surat Siaran Arahan Pengoperasian PBS kepada sekolah iii. Mengedarkan dokumen PBS kepada sekolah <ul style="list-style-type: none"> a. Standard Prestasi b. Instrumen dan Panduan Pentaksiran 	Pegawai Pelajaran Daerah Unit Penilaian dan Peperiksaan (UPP) PPD
2	Pendaftaran pengguna aplikasi SPPBS	Januari	Mengeluarkan dan mengedarkan surat login kepada Setiausaha PBS	UPP PPD
3.	Penataran dokumen PBS	Januari - Mac	Menatarkan dokumen PBS secara bersepadu di peringkat sekolah kepada Ketua Panitia MP dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> a. Standard Prestasi b. Instrumen dan Panduan Pentaksiran 	UPP PPD JUP
4	Pemantauan, pengesanan, penyelarasan dan pementoran PBS peringkat sekolah	Mac - Jun	<ul style="list-style-type: none"> i. Memantau pelaksanaan PBS untuk memastikan prosedur pengoperasian dan standard prestasi dipatuhi oleh sekolah ii. Memastikan proses penambahaikan pelaksanaan PBS berlaku secara berterusan 	Jawatankuasa PBS PPD JUP

iii. Sekolah

BIL	PERKARA	TEMPOH	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB
1	Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran Arahan pelaksanaan PBS	Januari	<ul style="list-style-type: none"> i. Melantik Jawatankuasa PBS Peringkat Sekolah <ul style="list-style-type: none"> a. Ketua Pentaksir Sekolah (Penolong Kanan Pentadbiran) b. Pentaksir Sekolah (Ketua Panitia Mata Pelajaran) c. Carta Organisasi ii. Menerima Dokumen PBS daripada PPD <ul style="list-style-type: none"> a. Standard Prestasi b. Instrumen dan Panduan Pentaksiran iii. Menyediakan Jadual Pelaksanaan PBS di sekolah iv. Memaklumkan pelaksanaan PBS kepada ibu bapa dan murid. 	Pengetua Guru Besar (GB) Semua Guru Pentaksir Pengetua, GB PK Pengetua, GB
2	Pendaftaran pengguna aplikasi SPPBS	Januari	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerima Surat Login aplikasi ii. mendaftarkan nama kelas, nama murid dan guru mata pelajaran 	Pengetua, GB SU PBS

3	Penataran Dokumen PBS	Januari - Februari	Memastikan guru mata pelajaran menghadiri mesyuarat penataran PBS oleh JU Pentaksiran	Semua Guru MP
4	Melaksanakan PBS dalam pembelajaran dan pengajaran	Sepanjang Tahun	i. Memastikan murid telah bersedia untuk ditaksir. ii. Menggunakan Standard Prestasi	Guru MP
5	Penyelarasan dan Pemantauan	Sepanjang Tahun	i. Penyelarasan dan pemantauan peringkat sekolah dilakukan mengikut jadual. ii. Menyediakan Laporan berkala.	JK PBS
6	Pengesahan Dan Pementoran	Sepanjang Tahun	i. Memastikan proses penilaian program Pentaksiran dari segi pencapaian objektif, kekuatan dan kelemahan instrumen serta impaknya untuk tujuan memperbaiki program Pentaksiran. ii. Memastikan wujudnya kefahaman di kalangan pentadsir supaya skor yang diperolehi mempunyai darjah kesahan dan kebolehpercayaan	JK PBS

7	Pengurusan dan Pentadbiran skor	Sepanjang Tahun	<ul style="list-style-type: none"> i. Menggunakan aplikasi SPPBS i. Menyediakan pelaporan prestasi murid mengikut mata pelajaran ii. Memastikan pelaporan pencapaian prestasi murid Tahun Satu disediakan dan makluman kepada ibu bapa ii. Menghantar pelaporan pencapaian murid ke Jabatan Pelajaran Negeri dan Lembaga Peperiksaan 	SU PBS Guru MP
8	Evidens PBS	Sepanjang Tahun	Menyimpan evidens PBS mengikut prosedur	JK PBS

6.0 PELAPORAN

Pelaporan penguasaan murid dalam semua komponen PBS dijana melalui aplikasi SPPBS bidang akademik dan bukan akademik.


7.0 APLIKASI SPPBS



Untuk menyokong pelaksanaan PBS, ICT akan digunakan sebagai pengupaya bagi membolehkan pengurusan data PBS seperti pengumpulan markah pencapaian, pemprosesan data dan pelaporan berkaitan PBS dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di semua peringkat sekolah, JPN dan Lembaga Peperiksaan.


Pengurusan data PBS menggunakan dua sistem aplikasi SPPBS bagi bidang akademik dan bukan akademik. Semasa menggunakan SPPBS di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah, guru dikehendaki merujuk kepada Manual Aplikasi SPPBS.

Contoh paparan Aplikasi SPPBS

a. Akademik







b. Bukan Akademik

SISTEM PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH MALAYSIA

WP PUTRAJAYA
JPN WP PUTRAJAYA
SK PUTRAJAYA PRESINT 11(2)

LEHAKPARKAI MAKLUMAT DI BAWAH UNTUK:
MASUK MARKAH / PAPARAH LAPORAH / EKSPORT DATA

Tabun Akademik	2011
Ilegeri	WP PUTRAJAYA
Daerah	JPN WP PUTRAJAYA
Sekolah	WBA2010SK PUTRAJAYA PRESINT 11(2)
Darjah/Tahun Tahap	D1 TAHAP SATU TAHUN SATU
Nama Kelas	PETUNIA

MASUK MARKAH

Markah Form
WBA2010_D1 RETURIA
SK PUTRAJAYA PRESINT 11(2)

Jasmani | Kesehatan | Sukan | Kekurikulum | Dikurikulum | Analisis

9 030112140786 SARAH WARDINA BINTI MOHAMED SABRI

PERGERAKAN ASAS (SKOR : 18.9 / 42 %)										KESUKARAN (SKOR : 18.8 / 42 %)										JASMANI				
Pergerakan Lokomotif					Bulan Lokomotif					Kemahiran Manipulasi objek					Kem. Berdiri									
1	2	3	4	5	A1	1	2	3	A2	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	A3	Kem. Berdiri	1	A4
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1	<input type="checkbox"/>	
GIMNASIKA ASAS (SKOR : 21 / 21 %)										ASAS AQUATIK (SKOR : 14 / 4 %)										JASMANI				
Badan & Sokongan					Hambur & Penderitan					Putaran & Ongkaran					Lentikan					Keselamatan & Keselembutan				
1	2	3	4	5	A5	1	2	3	A6	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	A13	Keyakinan & Keselamatan	1	A9
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	2	<input type="checkbox"/>	
KECERGASAN TINGKAT KESIHATAN & PRESTASI FIZIKAL (SKOR : 21 / 21 %)										REK. & KESEHGGAGAHAN (SKOR : 4 / 4 %)										JASMANI				
Kapsidi Aerobik					Fisiabiliti					Ketulusan dan daya Tahan otot					Habotahan & Apikasi									
1	2	3	4	5	A11	1	2	A2	1	2	3	4	5	6	7	A13	1	2	A10	1	2	A15		
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	2	<input type="checkbox"/>	
2 030115140036 NUR ALIAH BINTI ZAIFUL										PERGERAKAN ASAS (SKOR : 14.2 %)										JASMANI				
PERGERAKAN ASAS (SKOR : 14.2 %)										KESUKARAN (SKOR : 14.2 %)														
Pergerakan Lokomotif					Bulan Lokomotif					Kemahiran Manipulasi objek					Kem. Berdiri									
1	2	3	4	5	A1	1	2	3	A2	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	A3	Kem. Berdiri	1	A4
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1	<input type="checkbox"/>	
GIMNASIKA ASAS (SKOR : 21 %)										ASAS AQUATIK (SKOR : 14 %)										JASMANI				
Badan & Sokongan					Hambur & Penderitan					Putaran & Ongkaran					Lentikan					Keselamatan & Keselembutan				
1	2	3	4	5	A5	1	2	3	A6	1	2	3	4	5	6	7	A13	1	2	A9	1	2	A16	
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	2	<input type="checkbox"/>	
KECERGASAN TINGKAT KESIHATAN & PRESTASI FIZIKAL (SKOR : 21 %)										REK. & KESEHGGAGAHAN (SKOR : 4 %)										JASMANI				
Kapsidi Aerobik					Fisiabiliti					Ketulusan dan daya Tahan otot					Habotahan & Apikasi									
1	2	3	4	5	A11	1	2	A2	1	2	3	4	5	6	7	A13	1	2	A10	1	2	A15		
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	2	<input type="checkbox"/>	
Kesudiaan										Kesudiaan										Kesudiaan				

LAMPIRAN

Lampiran 1 Jawatankuasa Pentaksiran Peringkat Negeri, Daerah dan Sekolah

Lampiran 2 Struktur Organisasi Unit PBS Negeri

Lampiran 3 Carta Aliran Pentaksiran Sekolah (PS)

Lampiran 4 Carta Aliran Pentaksiran Pusat (PP)

Lampiran 5 Carta Aliran Pentaksiran Sekolah dan Aktiviti Jasmani & Kokurikulum (PAJSK)

Lampiran 6 Carta Aliran Pentaksiran Psikometrik (PSi)

Lampiran 7 Carta Aliran Proses Kerja Penataran PBS

Lampiran 8 Carta Aliran Proses Kerja Penyelaras PBS

Lampiran 9 Carta Aliran Proses Kerja Pemantauan PBS

Lampiran 10 Carta Aliran Proses Kerja Pementoran PBS

LAMPIRAN 1

A. JAWATANKUASA PBS PERINGKAT NEGERI

Pengerusi	: Pengarah Pelajaran Negeri
Naib Pengerusi	: Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri
Setiausaha	: Ketua Sektor SPP
Ahli Jawatankuasa	: Semua Ketua Sektor Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia Ketua Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Ketua Penolong Pengarah BTPN Semua Ketua Penolong Pengarah Sektor Semua Pegawai Pelajaran Daerah Yang Dipertua Majlis Pengetua Yang Dipertua Majlis Guru Besar Pengerusi Majlis Guru Cemerlang Ketua Jurulatih Utama Pentaksiran Mata Pelajaran Negeri

B. JAWATANKUASA PBS PERINGKAT DAERAH


Pengerusi	: Pegawai Pelajaran Daerah
Naib Pengerusi	: Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah
Setiausaha	: Penolong PPD (Peperiksaan)
Ahli Jawatankuasa	: Semua Pengetua Semua Guru Besar Semua Penolong PPD Penyelaras Pusat Kegiatan Guru Ketua Jurulatih Pentaksiran Mata Pelajaran Daerah

C. JAWATANKUASA PBS PERINGKAT SEKOLAH


Pengerusi	: Pengetua/ Guru Besar
Naib Pengerusi	: Penolong Kanan Pentadbiran
Setiausaha	: Setiausaha PBS
Ahli Jawatankuasa	: Penolong Kanan HEM Penolong Kanan Ko-kurikulum Penolong Kanan Pendidikan Khas Penolong Kanan Petang Guru Bimbingan dan Kaunseling Semua Guru Kanan Mata Pelajaran Semua Ketua Panitia Ketua Jurulatih Pentaksiran Mata Pelajaran Sekolah Guru Cemerlang


STRUKTUR ORGANISASI UNIT PBS SPP NEGERI

JPN Gred A




JPN Gred B








LAMPIRAN 3

LAMPIRAN 4










CARTA ALIR PROSES KERJA PENYELARASAN PBS



CARTA ALIR PROSES KERJA PEMANTAUAN PBS

